

Sejarah Perkhidmatan Kesihatan Mental di Semenanjung Tanah Melayu Sebelum
Perang Dunia Kedua: Sorotan Bahan Arkib Terpilih

A History of Mental Health Services in the Malay Peninsula during Pre-World War Two: A
Highlight on Selected Archive Materials

AWALUDIN BIN AHMAD^{1*} & NORDIN BIN HUSSIN²

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai sejarah perkhidmatan kesihatan mental di Semenanjung Tanah Melayu terutamanya sebelum Perang Dunia Kedua. Pengenalan perkhidmatan kesihatan mental merupakan salah satu kesan daripada perkembangan sosioekonomi selain memenuhi keperluan akibat berlakunya peningkatan bilangan pesakit mental di Semenanjung Tanah Melayu. Justeru, kajian akan membuat kupasan mengenai sejarah perkhidmatan kesihatan mental di Semenanjung Tanah Melayu melalui penelitian beberapa bahan arkib terpilih terutama sumber-sumber utama yang boleh dimanfaatkan bagi tujuan kajian dan penulisan sejarah perkhidmatan kesihatan mental. Kajian ini berbentuk kualitatif berdasarkan rujukan terhadap bahan-bahan arkib terpilih dari Arkib Negara Malaysia Jalan Duta, Kuala Lumpur yang terdiri daripada fail-fail rasmi, laporan-laporan tahunan serta surat-surat rasmi pentadbiran kolonial. Melalui rujukan dan interpretasi terhadap bahan-bahan arkib terpilih, kajian membuktikan terdapat perkembangan yang signifikan dalam perkhidmatan kesihatan mental di Semenanjung Tanah Melayu pada era kolonial melalui penubuhan beberapa buah lunatic asylum atau institusi rawatan penyakit mental. Selain itu, kajian menunjukkan bahawa penguatkuasaan undang-undang berkaitan masalah penyakit mental membolehkan pelaksanaan polisi pengasingan dan pengawalan terhadap pesakit-pesakit mental dilaksanakan secara lebih berkesan. Kajian ini memberi dimensi baharu dalam bidang sejarah sosial terutamanya berkaitan sejarah kesihatan di Semenanjung Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua agar penulisannya dapat diketengahkan secara lebih lengkap serta menyeluruh termasuklah berkaitan sejarah perkhidmatan kesihatan mental.

Kata kunci: *Sejarah; kesihatan awam; asylum; undang-undang; penyakit mental*

ABSTRACT

This research discusses the writings of the mental health services in the Malay Peninsula, specifically that of during the Pre-World War Two era. The introduction of the mental health services was one of the effects resulting from the development of the socio-economy of the country, besides the need to fulfil the demand of the increase in the number of mental illness patients in Malay Peninsula. Accordingly, the study will discuss in great detail the history of mental health services in the Malay Peninsula through document analysis of various selected relevant primary archive materials that may be beneficial for those interested in relation to mental health services in the Malay Peninsula. This qualitative study is also based on various relevant references involving selected archive materials obtained from the National Archives of Malaysia. Among the main source of references for this study include official document files, annual reports and official letters of the colonial administration. Through the use of the various references and interpretation of the selected archives, this study has been able to provide significant evidence of the development of the mental health services occurred in Malay Peninsula during the colonialization era as a through the establishment of several lunatic asylums or mental health treatment institutions. Besides that, findings from this study also indicate that the law enforcement pertaining to mental illness problems had enabled the execution of isolation policy and control of the mentally ill patients to be conducted effectively. The evidence obtained from the archives also is significant as it implies that the selected references are potentially relevant to be used in conducting current historical studies within this area. Hence, the findings gained also offer a new dimension for the social-historical field especially pertaining to the writing of historical events of the mental health services in the Malay Peninsula before the World War Two era.

Keywords: History, public health, asylum, law and regulation; mental illness

PENGENALAN

Gilbert J. Garraghan (1948) menyatakan kaedah sejarah sebagai sekumpulan prinsip dan peraturan yang sistematik bertujuan membantu usaha mengumpul sumber-sumber sejarah dengan berkesan, meneliti dan mengkaji sumber-sumber tersebut dengan kritis dan membentangkan suatu sintesis (dalam bentuk penulisan) daripada hasil-hasil yang diperoleh. Sumber-sumber sejarah yang diperoleh melalui kaedah penyelidikan sejarah penting kerana ia boleh menjadi punca kepada lahirnya sesuatu pemikiran atau penulisan.¹ Dapatlah disimpulkan bahawa kaedah sejarah merupakan salah satu pendekatan penting bagi memperoleh maklumat berdasarkan penelitian dan analisis mendalam terhadap sumber-sumber sejarah yang telah dikenal pasti. Seterusnya, melalui pendekatan kaedah sejarah yang kritis juga membolehkan sesuatu kajian atau penulisan sejarah dapat dihasilkan secara lebih objektif dan mencapai matlamat kebenaran sejarah. Hal ini memandangkan aspek kebenaran sejarah melambangkan kewibawaan sesebuah hasil kajian serta keutuhan pengkaji dalam menjalankan usaha penyelidikan berasaskan kaedah sejarah bagi menghasilkan sesuatu penulisan atau penyelidikan sejarah (Mohd Yusof Ibrahim 2000).²

Justeru, makalah ini akan membuat sorotan mengenai bahan-bahan arkib terpilih yang terdapat di Arkib Negara Malaysia Jalan Duta, Kuala Lumpur yang merekodkan perkara-perkara berkaitan sejarah perkhidmatan kesihatan mental di Semenanjung Tanah Melayu dalam tempoh sebelum Perang Dunia Kedua. Kemajuan sosioekonomi pasca campur tangan kolonial British di Semenanjung Tanah Melayu turut memberikan kesan terhadap pengenalan perkhidmatan kesihatan dan perubatan termasuklah perkhidmatan kesihatan mental. Keadaan ini memandangkan penubuhan institusi rawatan penyakit mental mempunyai kepentingan-kepentingan keselamatan serta ketenteraman, meningkatkan imej pentadbiran British selain memenuhi keperluan berikutnya masalah penyakit mental yang berlaku dalam kalangan masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu. Oleh itu, kedudukan sumber-sumber utama terpilih berkaitan topik ini berperanan sebagai asas penulisan dan memberikan suatu kerangka menyeluruh mengenai kajian. Penelitian awal yang dilakukan mendapati bahawa sumber-

¹ Muhd. Yusof Ibrahim, *Pengertian Sejarah Beberapa Perbahasan Mengenai Teori dan Kaedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 4

² _____, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000, hlm. 148.

sumber utama ini berkeupayaan memberikan pelbagai bentuk informasi selain berada dalam keadaan yang masih asli serta terbuka untuk penelitian dan pentafsiran.

Contoh sumber-sumber utama terpilih yang akan dibincangkan melalui makalah ini terdiri daripada fail-fail pentadbiran, laporan-laporan tahunan, rekod-rekod dan dokumen-dokumen rasmi pentadbiran kolonial British. Sumber-sumber ini memberikan maklumat yang tepat dan menyeluruh setelah melalui proses interpretasi data yang diperoleh, melakukan penilaian konseptual dan teoretikal serta menulis hasil penemuan dan seterusnya membuat kesimpulan. Justeru, sumber-sumber utama sangat penting dalam penyelidikan sejarah. Keberkesanan penulisan atau penyelidikan sejarah banyak bergantung kepada aspek pemilihan sumber-sumber utama yang tepat. Kajian serta analisis yang teratur serta teliti juga perlu dilaksanakan untuk mendapatkan fakta penulisan bertepatan dengan kaedah penyelidikan sejarah agar peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku dapat dibina semula dengan lebih berkesan.

PENGENALAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DI SEMENANJUNG TANAH MELAYU

Lenore Manderson (1999) menyatakan matlamat utama pengenalan perkhidmatan kesihatan serta perubatan oleh kolonial British adalah *to make the tropic fit for the white man inhabit³* bagi tujuan memikul tanggungjawab dalam konteks penguasaan sosioekonomi dan politik di Semenanjung Tanah Melayu. Justeru, Perjanjian Pangkor 1874 boleh dilihat sebagai titik-tolak permulaan dasar campur tangan kolonial British bukan sahaja dari aspek politik pentadbiran, bahkan membuka ruang terhadap penguasaan sumber-sumber ekonomi di Semenanjung Tanah Melayu terutamanya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) (Sadka 1968; Jagjit Singh Sidhu 1980). Bagi memenuhi keperluan pembangunan sosioekonomi, pihak berkuasa kolonial British mengorak langkah membawa masuk buruh-buruh asing terutama dari negara China (Yip Yat Hoong 1969) dan India (Netto 1961) sebagai tenaga buruh melalui pengenalan beberapa sistem kemasukan buruh ke NNMB.

Indikator utama penguasaan sumber-sumber ekonomi kolonial telah memperlihatkan pengenalan sistem ekonomi kapitalis (Nik Anuar Nik Mahmud 1978) serta berlakunya transformasi menyeluruh daripada bentuk ekonomi sara diri kepada acuan ekonomi

³ Lenore Manderson, Public Health Developments in Colonial Malaya; Colonialism and the Politics of Prevention, *American Journal of Public Health*, Vol. 89, No. 1, January 1999, hlm. 104.

berorientasikan import dan eksport (Abdul Aziz Salleh 1972/73). Selain itu, berlaku juga pembangunan infrastruktur seperti pengenalan sistem pengangkutan dan telekomunikasi moden, pembukaan kawasan-kawasan perlombongan serta kemunculan petempatan-petempatan baharu selain pengenalan perkhidmatan kesihatan moden oleh kolonial British bagi memenuhi keperluan kesihatan serta perubatan buruh-buruh asing. Dalam hal ini, perkembangan aspek perkhidmatan kesihatan oleh kolonial British di NNMB dilihat lebih teratur dan terkehadapan berbanding dengan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) (Baker 2000).

Noraini Mohamed Hassan (2008) berpandangan bahawa penyebaran wabak penyakit tropika di NNMB juga dilihat sebagai salah satu kesan kemasukan buruh asing yang ramai,⁴ manakala perkembangan aktiviti pelacuran mengakibatkan penularan penyakit kelamin terutama dalam kalangan buruh asing.⁵ Tambahan pula, segelintir masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu sudah menghadapi pelbagai masalah kesihatan dan jangkitan penyakit sama ada yang melibatkan keupayaan fizikal mahupun kecelaruan mental. Terdapat segelintir individu dalam kalangan masyarakat sudah menghadapi pelbagai penderitaan fizikal seperti masalah penyakit kusta selain masalah penyakit mental yang dikenali dengan pelbagai istilah seperti ‘Orang Otak Miring’ dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional (Colson 1971). Selain itu, fenomena ‘latah’, ‘amuk’ dan ‘koro’ juga dilihat signifikan berkaitan masalah kecelaruan mental dalam kalangan masyarakat (Winzeler 1995; Haque 2008), sebagaimana yang dinyatakan oleh Wazir Jahan Karim (1990) dengan istilah *cultural bound syndrome*.

Masalah penyakit mental dalam kalangan masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu menyebabkan pihak berkuasa kesihatan kolonial British terpaksa memberikan perhatian terhadap penyediaan perkhidmatan kesihatan dan rawatan masalah penyakit mental (Manderson 1996). Walaupun kaedah rawatan tradisional menjadi keutamaan masyarakat dalam usaha penyembuhan penyakit (Ooi Giok Ling 1991) termasuk masalah penyakit mental, pihak berkuasa kesihatan kolonial British sudah mula mengorak langkah memperkenalkan perkhidmatan kesihatan mental moden di Semenanjung Tanah Melayu

⁴ Noraini Mohamed Hassan, *Penyakit Tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*, Penerbit Universiti Malaya, 2008.

⁵ Awaludin bin Ahmad, *Perkembangan Aktiviti Pelacuran di Selangor, 1900-1941*(Tesis Sarjana), Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2011.

melalui penubuhan lokasi-lokasi rawatan penyakit mental yang dikenali sebagai ‘*lunatic asylum*’. Dalam hal ini, T.H. Woon (1978) telah menyatakan terdapat tiga fasa utama perkembangan perkhidmatan kesihatan mental di Semenanjung Tanah Melayu iaitu fasa pertama (1874-1910), fasa kedua (1911-1945) dan fasa ketiga (1946-1975).⁶

Oleh itu, perbincangan makalah ini bukanlah bertujuan memperincikan setiap bahan arkib berkaitan perkhidmatan kesihatan mental secara keseluruhan, sebaliknya mengupas beberapa bahan arkib terpilih berkaitan sejarah perkhidmatan kesihatan mental di Semenanjung Tanah Melayu terutamanya sepanjang tempoh sebelum Perang Dunia Kedua. Kupasan melibatkan aspek-aspek tertentu seperti membincangkan dokumen mengenai *Kuala Lumpur Lunatic Asylum*, kupasan dokumen mengenai penubuhan dan perkembangan *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan* dan perbincangan dokumen berkaitan undang-undang masalah penyakit mental. Proses penyaringan dan pemilihan dokumen dilakukan mengikut kesesuaian untuk membolehkan beberapa maklumat penting serta gambaran awal mengenai perkembangan perkhidmatan kesihatan mental di Semenanjung Tanah Melayu dapat diketengahkan sebelum kajian yang lebih komprehensif dapat dilaksanakan melalui rujukan terhadap dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

KUALA LUMPUR LUNATIC ASYLUm

Penyelidikan mengenai sejarah perkhidmatan kesihatan mental di Semenanjung Tanah Melayu terutamanya dalam tempoh sebelum Perang Dunia Kedua perlu terlebih dahulu meneliti perkembangan *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* sebagai salah sebuah *asylum* terawal yang berperanan sebagai sebuah lokasi pengasingan dan pengawalan bagi pesakit-pesakit mental. Justeru, terdapat beberapa dokumen terpilih yang menjelaskan mengenai perkembangan *asylum* ini seperti dokumen oleh *Medical Department* dan *Public Works Department* seperti berikut:

- (i) ***Medical 1541/95, Asylum for Selangor Lunatics – 13.3.1895***
- (ii) ***P.W.D. 4977/95, Conversion of Old Gaol into Lunatic Asylum Asks provide \$5000***

⁶ Fasa 1 (1874-1910) meneliti sejarah awal perkhidmatan kesihatan mental di NNMB, Fasa 2 (1911-1945) bermula dengan pembukaan *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan* hingga berakhirnya Perang Dunia Kedua dan Fasa 3 (1946-1975) iaitu era selepas perang, kemerdekaan dan perkembangannya hingga tahun 1975. Rujuk T.H. Woon, A History of Psychiatry in Peninsular Malaysia, 1830-1975, *Medical Journal Malaysia*, Vol. XXXII, No. 3, March 1978, hlm. 258-263.

in Estimates 1896. – 1.10.1895

(iii) P.W.D. 1810/1897, Conversion of Old Gaol into Lunatic Asylum Request Invitation of Tenders. – 27.3.1897

(iv) P.W.D. 2944/98, Lunatic Asylum – 31.3.1897

Dokumen (i) *Medical 1541/95, Asylum for Selangor Lunatics* bertarikh 13 Mac 1895 mengandungi laporan yang dikemukakan oleh *Residency Surgeons' Office*, Kuala Lumpur mengenai 28 orang pesakit mental yang berada di *Pauper Hospital*, Kuala Lumpur. Keadaan ini memandangkan wad hospital ini digunakan untuk tujuan penempatan sementara bagi pesakit-pesakit mental bermula sejak tahun 1890 sebelum dipindahkan ke *Colonial Asylum*, Singapura. Memandangkan keadaan wad di hospital tersebut yang kurang sesuai untuk rawatan dan bilangan pesakit mental yang ramai, cadangan telah diusulkan supaya bangunan lama penjara Kuala Lumpur diubahsuai menjadi lokasi baharu bagi menempatkan pesakit-pesakit mental yang pada ketika ini berada di wad *Pauper Hospital*. Tambahan pula, *asylum* di Singapura sudah tidak lagi berupaya menerima kemasukan pesakit-pesakit mental baharu dari Selangor seperti kelaziman kerana tempat yang tidak mencukupi.

Bahkan, seramai 22 orang pesakit mental Selangor yang sedang mendapatkan rawatan di Singapura dijangka akan dihantar pulang kerana faktor kos rawatan yang tinggi di Singapura iaitu kira-kira 30 sen sehari berbanding hanya 12 sen sehari di Selangor. Perkembangan ini menyebabkan berlakunya desakan untuk mencari lokasi baharu pesakit-pesakit mental memandangkan bilangannya yang semakin meningkat. Beberapa alasan dikemukakan bagi mewajarkan bangunan lama penjara tersebut diubahsuai dan berpotensi menjadi sebuah *lunatic asylum* baharu yang berperanan sebagai lokasi pengasingan dan pengawalan pesakit-pesakit mental, sebagaimana yang disebut dalam laporan tersebut:

“The Old Gaol would make a very good asylum.”

“Here is a good wall all around it with plenty of space inside for work and recreation.”

“The buildings could be made into suitable wards for treatment.”

“We could accommodate 60 lunatics at once.”

“Building a partition wall to separate female from male patients.”

Justeru, bagi melaksanakan proses pengubahsuaian bangunan tersebut menjadi sebuah lunatic asylum baharu, pihak *Public Work Department* Selangor telah memohon peruntukan

sebanyak \$5000 bagi tujuan tersebut agar dimasukkan dalam anggaran perbelanjaan kerajaan pada tahun 1896 sebagaimana yang dinyatakan melalui dokumen (ii) *P.W.D. 4977/95, Conversion of Old Gaol into Lunatic Asylum Asks Provide \$5000 in Estimates 1896* bertarikh 1 Oktober 1895. Setelah peruntukan tersebut mendapat kelulusan, tawaran tender bagi tujuan pengubahsuaian bangunan tersebut bermula dengan arahan oleh Jurutera Negeri (*State Engineer*) pada 27 Mac 1897 kepada *Public Work Department* Kuala Lumpur untuk menguruskan tawaran tender tersebut yang dibuka sehingga 15 April 1897. Manakala, pihak yang berminat untuk bersaing mendapatkan tender perlu mengemukakan borang tender dan dilabelkan sebagai ‘*Conversion Old Goal into Lunatic Asylum*’ sebagaimana yang direkodkan melalui dokumen (iii) *1810/97 Conversion of Old Gaol into Lunatic Asylum Request Invitation of Tenders* bertarikh 27 Mac 1897 dan dokumen (iv) *P.W.D. 2944/98, Lunatic Asylum*. Maka, bukanlah sesuatu yang menghairankan apabila bangunan yang bertujuan untuk menempatkan pesakit-pesakit mental yang kemudiannya dikenali sebagai *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* mampu disiapkan dalam tempoh masa yang singkat dan pada masa yang sama menghadapi beberapa masalah di luar jangkaan.

Seterusnya, perbincangan juga akan membuat kupasan terhadap beberapa bahan arkib terpilih berkaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* seperti masalah bilangan pesakit mental yang terlalu ramai dan isu keselamatan *asylum*. Terdapat juga masalah penularan wabak penyakit Beri-Beri sebagaimana yang direkodkan melalui dokumen berbentuk laporan oleh Dr. W. Fletcher iaitu (i) *Rice and Beri-Beri A Preliminary Reports on an Experiment Conducted at the Kuala Lumpur Lunatic Asylum 1905-1906*. Selain itu, terdapat juga maklumat daripada laporan tahunan berhubung penularan wabak penyakit Beri-Beri iaitu (ii) *2006/0019840, State of Selangor, Annual Report on the Medical Department 1907* dan (iii) *2006/0019843, Selangor Medical Report 1904-1909*. Maklumat yang diperoleh daripada dokumen-dokumen ini selain merekodkan bilangan pesakit mental yang dijangkiti wabak ini serta bilangan yang meninggal dunia dalam tempoh antara tahun 1904 hingga 1907, dokumen ini juga mendedahkan punca-punca yang mungkin menyebabkan berlakunya penularan wabak Beri-Beri.

Contohnya dokumen (i) merupakan laporan oleh Dr. W. Fletcher, antara lain menyebut bahawa terdapat kemungkinan wabak ini menular kerana ‘*a poison contained in the rice’, deficiency of proteid matter, the disease being due to nitrogen starvation, and uncured rice does not form a sufficiently nutritive diet and renders the patient’s system*

specially liable to invasion by a specific organism which is the actual cause of beri-beri.' Manakala, mengikut laporan tahunan dokumen (ii) dan (iii) pula merekodkan bilangan kematian akibat penularan penyakit Beri-Beri sebagaimana ditunjukkan melalui jadual di bawah sehingga menimbulkan pelbagai persoalan pihak berkuasa kesihatan British yang dapat dilihat melalui dokumen berbentuk fail iaitu *Sel. Sec. 3162/1906, Increase on the number of deaths at the Lunatic Asylum Kuala Lumpur from Beri-beri; something wrong with arrangement of Lunatic Asylum Kuala Lumpur.*

Bilangan pesakit mental dan kematian akibat wabak Beri-Beri di Kuala Lumpur Lunatic Asylum pada tahun 1904 hingga 1909

Tahun	Bilangan pesakit mental	Pesakit dijangkiti wabak Beri-Beri	Purata kematian pesakit (%)
1904	193	19	17.09
1905	219	27	25.11
1906	216	22	24.07
1907	270	27	22.22
1908	230	24	22.60

Sumber: 2006/0019840, State of Selangor, Annual Report on the Medical Department 1907.

Rujuk juga 2006/0019843 Selangor Medical Report 1904-1909.

Justeru, permasalahan yang melanda *asylum* ini memandangkan lokasi pengasingan tersebut merupakan bekas sebuah bangunan penjara yang telah diubahsuai menjadi sebuah *asylum* dan tidak sesuai dijadikan sebagai lokasi rawatan bagi pesakit-pesakit mental. Keadaan ini menyebabkan *asylum* ini beroperasi dalam keadaan yang kurang sempurna dan tidak menyenangkan. Rentetan daripada masalah-masalah tersebut, pentadbiran British pada tahun 1904 telah menyuarakan keimbangan mengenai keadaan *lunatic asylum* sedia ada yang tidak kondusif dan mengemukakan idea untuk membina sebuah *lunatic asylum* baharu di Semenanjung Tanah Melayu.

Terdapat beberapa dokumen yang menjelaskan permasalahan yang berlaku dan kebanyakan dokumen tersebut terdiri daripada fail-fail *Selangor Secretariat*, iaitu (v) *Sel. Sec. 2417/1899, Heavy Death rate Among the Inmates of the Lunatic Asylum, Draws Attention As To* bertarikh 12 Mei 1899. Dokumen ini merupakan sebuah laporan ringkas yang dikemukakan oleh *State Surgeon Selangor* yang menyatakan kebimbangannya tentang kadar kematian yang begitu tinggi (*heavy death-rate*) berlaku di *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* iaitu sebanyak 11.11% pada suku keempat tahun 1898 dan 21.15% pada suku

pertama tahun 1899 yang rata-ratanya diakibatkan oleh penularan wabak penyakit Beri-beri. Keadaan ini turut diperakui melalui Laporan Lembaga Pelawat (*Board of Visitors*) *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* yang membuat lawatan pada 19 Mei 1899 turut berkongsi kebimbangan yang sama. Laporan ini dapat dilihat melalui dokumen (vi) *Sel. Sec. 2615/1899, Extract from the Visitors Book, Lunatic Asylum.*

Keadaan yang kurang menyenangkan di *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* turut mendapat teguran daripada pihak berkuasa pentadbiran British di Negeri Sembilan. Teguran tersebut disuarakan oleh Residen British Negeri Sembilan, W. Egerton melalui sepucuk surat yang diutus kepada *Resident-General Federated Malay States* bertarikh 2 Julai 1903 sebagaimana yang terdapat dalam dokumen (vii) *Sel. Sec. 3869/1903, Kuala Lumpur Lunatic Asylum British Resident Negri Sembilan; Complains of inadequate accommodation.* Teguran yang dilontarkan berhubung dengan kedudukan *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* yang tidak lagi berupaya menampung kemasukan pesakit-pesakit mental dari Negeri Sembilan kerana masalah kekurangan tempat yang sedang dihadapi memandangkan terdapat laporan daripada *State Surgeon Selangor* bertarikh 24 Julai 1903 antara lain menyebut bahawa;

“*The British Resident Negri Sembilan is quite right.*”

“*The asylum is not only overcrowded but is it unsuitable in every way for the intelligent treatment of persons of unsound mind.*”

“*I trust that Government will realise the urgent necessity for a new asylum and that a suitable building may be provided in the near future.*”

Selain kebimbangan mengenai masalah bilangan pesakit yang terlalu ramai dan juga kadar kematian yang begitu tinggi dalam kalangan pesakit mental, isu keselamatan juga menghantui *asylum* ini. Terdapat beberapa kes pesakit mental yang melarikan diri dari *asylum* lantas mencetuskan persoalan mengenai sejauh mana keberkesanan tahap keselamatan lokasi pengasingan dan pengawalan ini. Punca utama yang telah dikenal pasti berlakunya masalah ini ialah faktor bangunan *asylum* sedia ada dalam yang telah diubahsuai daripada bangunan penjara lama menyebabkan pesakit mental mempunyai peluang untuk melarikan diri. Terdapat beberapa dokumen yang mencatatkan kes seperti ini, antaranya:

(i) *Sel. Sec. 5673/1903, Escape of a Lunatic named Chew Koh from the Asylum on 4th October 1903.*

(ii) *Sel. Sec. 5833/1903, Reports the escape of a criminal lunatic named Pang Nghee Lean from the Asylum on the 13 October 1903.*

Contohnya seperti dokumen (ii) di atas mengenai kes melibatkan seorang pesakit mental berketurunan Cina yang ditahan di bawah *Section 291 (II) of Criminal Procedure Code 1902* atas kesalahan melakukan jenayah pembunuhan pada 7 Januari 1903 atau dikenali sebagai ‘*criminal lunatic*’. Pang Nghee Lean telah berjaya meloloskan diri dari *asylum* pada 13 Oktober 1903 pada jam 7.00 pagi dan tertuduh disifatkan oleh Pegawai Perubatan Selangor sebagai ‘*extremely serious occurrence, he murdered a man while in a state of unsound mind, in my opinion he is liable at any time to be again attacked by homicidal mania*’. Tertuduh dapat melarikan diri akibat kecuaian dua orang *asylum attendant* yang tidak mengawasi pesakit-pesakit mental dengan sempurna kerana pada ketika itu, semua pesakit mental berada di kawasan lapang untuk aktiviti riadah. Tanpa disedari, Pang Nghee Lean berjaya meloloskan diri ketika kakitangan *asylum* berada di pejabat untuk mengambil peralatan. Justeru, terdapat desakan disuarakan terhadap keperluan untuk membina sebuah *asylum* baharu yang lebih besar dan sempurna bagi memastikan keadaan keselamatan pesakit-pesakit mental lebih terjamin.

Sebuah lagi dokumen yang berbentuk laporan secara komprehensif lagi mendalam mengenai permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh Kuala Lumpur Lunatic Asylum dapat dilihat melalui fail *Sel. Sec. 278/1904, Dr Gilmore Ellis' Report on Lunatic Asylum FMS* bertarikh 19 Februari 1904. Selain itu, sebahagian daripada laporan beliau juga telah dipetik dan dimuatkan dalam sebuah lagi dokumen berupa fail iaitu *Sel. Sec. 1538/1904, Extract from Report by Dr. Gilmore Ellis on the Kuala Lumpur Lunatic Asylum regarding Padlocks, Bedsteads and Improvement of Ventilation*. Terdapat juga maklumat yang mencadangkan agar keadaan fizikal *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* dibuat penambahbaikan sebagaimana yang dinyatakan melalui fail *Sel. Sec. 3719/1904, Improvement to Kuala Lumpur Lunatic Asylum*. Kedudukan serta pengalaman beliau sebagai *Medical Superintendent, Singapore Asylum* telah membolehkan laporan tersebut dikemukakan pada bulan Disember 1903 berdasarkan kepada pemerhatian dan penelitian secara mendalam terhadap keadaan fizikal *asylum* dan pesakit-pesakit mental yang sedang menjalani rawatan.

Secara keseluruhannya, laporan ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu pertama, laporan serta komen secara mendalam mengenai keadaan *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* kerana pada 16 Jun 1903, Dr. Gilmore Ellis telah melakukan lawatan dan menjalankan pemeriksaan menyeluruh terhadap *asylum* tersebut. Sementara bahagian kedua laporan tersebut pula memperincikan mengenai cadangan serta garis panduan yang dilontarkan mengenai keperluan pembinaan sebuah *lunatic asylum* baharu di Semenanjung Tanah Melayu berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan. Berkaitan dengan kondisi di *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* yang merupakan bahagian pertama daripada laporan tersebut, beliau telah mendedahkan beberapa komen berikut:

“The single rooms for violent patients are similar to cages in which wild animals are confined in Zoological gardens.”

“The bedsteads are not fixed and could easily be utilized for reaching windows, the bars of which, plus clothing, forming a ready means for suicide by hanging.”

“The infirmary ward has a low roof, is badly ventilated.”

“The female patients are not properly separated from the males.”

Selain itu, bahagian kedua laporan tersebut mengemukakan pandangan mengenai keperluan untuk membina sebuah *asylum* baharu di Semenanjung Tanah Melayu. Sebagai seorang pegawai perubatan berpengalaman, Dr. Gilmore Ellis telah mengemukakan beberapa garis panduan yang boleh dipraktikkan bagi memastikan pembinaan sebuah *asylum* baharu menjadi realiti. Garis panduan tersebut bukan sahaja memperincikan mengenai lokasi yang sesuai untuk membina *asylum* tersebut, tetapi turut melontarkan pandangan tentang peranan serta tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh sesebuah *asylum* dalam melunaskan fungsi rawatan serta pemulihan pesakit-pesakit mental. Berkaitan lokasi yang sesuai untuk membina *asylum* baharu, Dr. Gilmore Ellis mempunyai pandangan berikut:

“I am of opinion that a suitable and healthy site should be chosen within a few miles of some large and easily reached centre.”

“From three to five hundred acres of fairly good land should be available and fenced in as gardens and farm. Here should be erected the requisite buildings to form a central asylum.”

“The asylum at Buitenzorg, Java said to be most excellent; modern English asylums; and much useful help might be obtained from an examination of the Singapore asylum.”

Manakala, Dr. Gilmore Ellis turut menggariskan dalam bahagian kedua laporan tersebut mengenai fungsi sesebuah *asylum* iaitu:

With regards to the principles upon which an asylum should be constructed, regard must of course be had exclusively to the objects that it has to serve; and since a lunatic asylum is a place for:-

- (i) *The detention, under (ii) Care, and (iii) Treatment, of persons who (iv) Are disposed to be either melancholy or turbulent; (v) Have tendencies to injure themselves or others; (vi) Are unable to protect themselves from ordinary sources of danger, and (vii) In very many cases have to spend most of their lives in it.*

Berdasarkan pelbagai rungutan serta permasalahan yang sering membelenggu *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* membayangkan bahawa *lunatic asylum* ini sudah tidak lagi berupaya melaksanakan fungsinya dengan baik. Kegagalan ini mencetuskan gesaan kepada keperluan untuk membina sebuah *lunatic asylum* baharu untuk menampung kapasiti pesakit-pesakit mental yang semakin meningkat. Selain itu, ia juga bertujuan mencari solusi tuntas bagi menangani belenggu permasalahan seperti isu keselamatan dan penularan wabak penyakit yang telah dihadapi oleh *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* sebelum ini. Pembinaan sebuah *lunatic asylum* baharu juga membantu melonjakkan imej serta persepsi positif terhadap pihak berkuasa kesihatan British yang dilihat prihatin serta berupaya menggalas tanggungjawab berhubung isu-isu perkhidmatan kesihatan termasuklah perkhidmatan kesihatan mental.

PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN CENTRAL LUNATIC ASYLUM TANJONG RAMBUTAN

Secara umumnya di Arkib Negara Malaysia Jalan Duta, Kuala Lumpur menyimpan banyak dokumen secara langsung atau tidak langsung mengenai topik perbincangan ini. Kebanyakan dokumen adalah dalam bentuk fail-fail pentadbiran terutama fail Setiausaha Kerajaan Negeri yang mengandungi pelbagai dokumen seperti surat-menyurat dan minit mesyuarat berhubung penubuhan *asylum* baharu ini. Selain itu, terdapat juga dokumen atau bahan-bahan arkib berbentuk laporan-laporan tahunan dan prosiding-prosiding perbahasan *Legislative Council* terutama yang melibatkan aspek perundangan masalah penyakit mental. Justeru, perbincangan bahagian ini akan menjurus kepada kupasan beberapa dokumen terpilih bagi memberikan maklumat-maklumat berkaitan seperti gesaan dan idea awal penubuhan *asylum*, aspek pentadbiran serta perkembangan *asylum* sama dari aspek fizikal dan bilangan pesakit mental serta pembaharuan-pembaharuan yang berlaku dalam tempoh pembukaan

Central Lunatic Asylum bermula pada tahun 1911 sehingga menjelang Perang Dunia Kedua pada tahun 1941. Gesaan terhadap keperluan pembinaan sebuah *asylum* baharu di Semenanjung Tanah Melayu sekurang-kurangnya dapat dilihat melalui beberapa dokumen berikut, iaitu:

- (i) *H.C. 2127/1904, Proposed Construction of Lunatic Asylum for the Straits Settlements and Federated Malay States.*
- (ii) *R.G. 2226/1904, Proposed Combined Lunatic Asylum for the Colony and Federated Malay States.*
- (iii) *Sel. Sec. 2480/1904, Central Lunatic Asylum, Federated Malay States.*
- (iv) *R.G. 680/1904, Bring to Notice certain extracts from correspondence with the Act Resident Perak, in connection with Dr. Gilmore Ellis' report on the Perak Lunatic Asylum.*

Keempat-empat dokumen di atas memberikan maklumat mengenai cadangan pembinaan sebuah *asylum* baharu di Semenanjung Tanah Melayu semakin jelas disuarakan pada tahun 1904. Terdapat juga cadangan supaya *asylum* tersebut menerima pesakit-pesakit mental dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu serta Singapura. Berhubung dengan lokasi yang sesuai bagi pembinaan *asylum*, dokumen (ii) contohnya melalui sepucuk surat bertarikh 3 Disember 1904 yang ditulis oleh Pemangku Residen Jeneral NNMB bersetuju dengan cadangan yang telah dikemukakan oleh *High Commissioner*, NNMB mengenai ‘*proposal to build a combined Lunatic Asylum for the Federated Malay States and Colony*’. Berhubung dengan lokasi pembinaan *asylum*, beliau menyatakan ‘*a feeling that I share, is that Singapore would not be aconvinient situation for a Lunatic Asylum for the Federated Malay States.*’ Walau bagaimanapun, terdapat juga dokumen lain yang menunjukkan pernah ada cadangan dikemukakan pada tahun 1896 berhubung pembinaan *asylum* baharu, tetapi tidak dipersetujui oleh Sir Frank Swettenham seperti fail *Sel. Sec. 1259/1904, Copy of a letter from the State Surgeon Selangor on the subject of the condemnation of the Lunatic Asylum of Selangor by Dr. Ellis.* Cadangan yang sama juga disuarakan semula pada tahun 1902, tetapi reaksi daripada pentadbiran British agak mengecewakan sebagaimana yang direkodkan melalui *Annual Medical Report of Selangor, 1902.*

Kos anggaran pada peringkat awal pembinaan *asylum* yang dikemukakan pada tahun 1907 dianggarkan berjumlah \$544 645.48 sebagaimana yang diperincikan melalui fail *R.G. 296/1907, Central Lunatic Asylum FMS; Seek approval to a revised estimate of*

\$544,645.48 for the proposal melalui sepucuk surat bertarikh 14 Mac 1907 daripada *Residen General FMS* kepada *High Commissioners FMS* di Singapura. Namun, anggaran kos tersebut belum termasuk perbelanjaan untuk sistem perparitan dan pembetungan, jalan raya, kos meratakan kawasan dan kos bekalan air. Kos ini dianggap terlalu tinggi dan pada 7 Oktober 1907, melalui sepucuk surat daripada *Public Work Department FMS* kepada *Federal Secretary FMS* di Kuala Lumpur memaklumkan mengenai semakan semula kos menjadi \$461 000.00. Melalui sepucuk surat bertarikh 3 Mac 1908 daripada *Residen General FMS* kepada *High Commissioner FMS* telah memuktamadkan kos sebenar pembinaan *asylum* menjadi \$400 000.00 sahaja berikutan semakan semula pelan pembinaan oleh *Public Work Department*. Justeru, perubahan terhadap kos anggaran awal menyebabkan pembinaan *asylum* ini mengambil masa yang panjang untuk disiapkan. Pembinaannya bermula pada tahun 1907 dan *asylum* ini mula dibuka pada 1 November 1911.

Pentadbiran *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan* diketuai oleh seorang *Medical Superintendent* dan individu tersebut ialah Dr. William Frederick Samuels dilantik sebagai *Medical Superintendent* pertama. Mengenai pelantikan tersebut, Dr. W.F. Samuels mencatatkan pengalamannya melalui sebuah artikel bertajuk '*The Story of Central Mental Hospital, Tanjong Rambutan, Federated Malay States*', sebagaimana berikut:

*'In 1910 I was holding the appointment of Medical Officer and Magistrate at Anguilla in the St. Kits presidency of the Leeward Islands, British West Indies, when the Administrator one day handle me a cable, asking if I would accept the Medical Superintendency of the "Central Lunatic Asylum," Tanjong Rambutan, Perak, Federated Malay States. Fortunately the cable explained that Tanjong Rambutan was in the Federated Malay States, as neither he nor I had the slightest idea where it was. I left St. Kits a month later, and arrive in Singapore on January 28, 1911, to find that the asylum was not nearly completed. It was not until November 1, 1911, that we actually took in our first case.'*⁷

Pada masa yang sama, terdapat juga beberapa dokumen yang memberikan maklumat mengenai perlantikan Dr. A.J. Taylor sebagai *Assistant Medical Superintendent* pada tahun 1919 berdasarkan pengalamannya yang luas sebagai Medical Officer di Uganda. Dokumen tersebut termasuklah (i) *H.C.O. 1400/1919, Dr. J.A. Taylor Medical Officer, Uganda. Appt as Asst. Medical Superintendent, Central Lunatic Asylum, FMS* dan (ii) *H.C.O. 1864/1919, Dr. J.A. Taylor His Appointment as Asst. Medical Superintendent, Central Lunatic Asylum.*

⁷ William F. Samuels, *The Story of the Central Mental Hospital, Tanjong Rambutan, Federated Malay States, British Journal of Psychiatry*, Vol. 72, January 1926, hlm. 39-49.

Selain itu, terdapat dokumen yang memberikan maklumat mengenai kerja-kerja pembesaran dan pertambahan wad-wad pesakit mental di *Central Lunatic Asylum* memandangkan peningkatan bilangan pesakit mental yang mendapatkan rawatan. Contohnya pada tahun 1912, sebuah cadangan telah dikemukakan oleh *Medical Superintendent* untuk membina wad-wad sementara yang boleh menempatkan kira-kira 150 orang pesakit mental. Cadangan ini dapat dilihat melalui sebuah memorandum rasmi oleh Dr. W.F. Samuels yang dihantar kepada Senior Medical Officer, Perak bertarikh 14 Mei 1912 iaitu **H.C.O. No. CH. SC. 1098/1912, Erection of Temporary Wards to Relieve Overcrowding at the Central Lunatic Asylum.** Bajet keseluruhan untuk pembinaan empat buah wad sementara adalah sebanyak \$12 000 sebagaimana yang dinyatakan oleh Setiausaha NNMB berdasarkan sebuah memorandum bertarikh 13 Ogos 1912 di dalam fail yang sama. Memorandum tersebut dikemukakan bagi tujuan memperoleh persetujuan ahli-ahli tidak rasmi yang menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan (*Federal Council*) untuk kelulusan bajet tersebut.

Dokumen lain berkaitan perkara di atas termasuklah (i) **H.C.O. No. CH. SEC. 1511/1913, Accommodation of Lunatics from Straits Settlements at the Lunatic Asylum Tanjong Rambutan** dan (ii) **H.C.O. No. CH. SEC. 651/1913, Accommodation and treatments of Lunatics in Straits Settlements and Federated Malay States-Proposal for the enlargement of the Lunatic Asylum at Tanjong Rambutan.** Maklumat yang diperoleh melalui kedua-dua fail ini menyatakan pada tahun 1913 juga terdapat cadangan untuk menambah bilangan wad bagi 200 orang pesakit mental lelaki dan 30 orang pesakit mental wanita. Terdapat juga seramai 70 orang pesakit mental akan dipindahkan dari Singapura ke *asylum* ini. Oleh itu, proses pertambahan wad tidak dapat dielakkan kerana bilangan pesakit mental yang semakin bertambah.

Aspek lain berkaitan perkembangan *Central Lunatic Asylum* boleh dilihat melalui dokumen seperti **Sel. Sec. 5006/1926, Annual Report on the Medical Department Selangor for the year 1925.** Melalui laporan ini, merekodkan mengenai aktiviti dan kaedah rawatan serta pemulihan yang dilaksanakan di *asylum* ini. Salah satu kaedah pemulihan pesakit-pesakit mental yang dipraktikkan ialah melalui kaedah *Occupational Therapy* yang mula diperkenalkan pada tahun 1912 oleh Dr. W.F. Samuels. Pandangan beliau berasaskan bahawa aktiviti fizikal boleh membantu pesakit mental mengawal emosi dengan cara memberikan sepenuh perhatian terhadap aktiviti yang dilakukan di bawah pengawasan kakitangan *asylum*. Justeru, kawasan seluas 373 ekar yang diperuntukkan bagi aktiviti

pertanian dan penternakan digunakan bagi melaksanakan aktiviti pertanian serta penternakan merangkumi lebih kurang 20 buah ladang dan setiap ladang mempunyai keluasan sekitar 10 ekar diusahakan dengan jenis tanaman dan ternakan. Menjelang tahun 1915, kesemua ladang ini dapat diusahakan sepenuhnya dan pada tahun 1925 pula, jumlah hasil pendapatan melalui aktiviti pertanian dan penternakan ini dianggarkan berjumlah \$ 45 480.63.

Berkaitan dengan perkembangan bilangan pesakit mental pula, sehingga akhir tahun 1911, terdapat seramai 220 orang pesakit mental lelaki dan 67 orang pesakit mental wanita. Peningkatan bilangan pesakit mental menyebabkan berlakunya masalah kesesakan bilangan pesakit (*overcrowding*) dan memaksa pentadbiran *asylum* melakukan proses penambahan wad-wad pesakit mental. Keadaan ini memandangkan *asylum* tersebut bukan sahaja menerima pesakit-pesakit mental dari Perak, tetapi juga menerima pesakit dari negeri-negeri yang lain termasuklah Pahang, Kedah, Kelantan dan Johor. Sebahagian daripada rekod mengenai bilangan pesakit mental yang menerima rawatan di *asylum* ini adalah seperti berikut, iaitu:

- (i) *Perak (1913), Administrative Report 1912 in Federated Malay States Annual Departmental Report, 1912.*
- (ii) *Perak (1914), Administrative Report 1913 in Federated Malay States Annual Departmental Report, 1913.*

Kedua-dua rekod (i) dan (ii) tersebut memberikan maklumat mengenai bilangan pesakit mental antara tahun 1911 hingga 1913, sebagaimana jadual berikut:

Bilangan katil dan pesakit mental, 1911-1913

Tahun	Bilangan katil	Bilangan pesakit	Lebihan pesakit
Disember 1911	280	287	-8
1912	280	359	-79
1913	493	520	-27

Sumber: Perak Administrative Report 1912-1914

- (iii) *Federated Malay States by R. Dowen, Annual Report on the Medical Department for the year 1924.*
- (iv) *Federated Malay States Annual Report of the Medical Department, 1930.*

Rekod (iv) di atas merekodkan secara terperinci mengenai bilangan pesakit mental yang mendapatkan rawatan di *Central Lunatic Asylum* mengikut negeri asal dan jantina pesakit bermula pada tahun 1928 hingga 1930. Secara keseluruhannya, pada tahun 1928 terdapat seramai 1 862 orang pesakit mental mendapatkan rawatan dan bilangannya meningkat menjadi 2 588 orang pada tahun 1930. Seterusnya, bilangan kemasukan pesakit mental ke *asylum* ini mengikut pecahan etnik juga direkodkan antara tahun 1928 hingga 1930 memperlihatkan etnik Cina contohnya, seramai 412 orang pada tahun 1928 menjadi 423 orang pada tahun 1930. Etnik India pula mencatatkan kemasukan seramai 292 orang pada tahun 1928 dan menjadi 315 orang pada tahun 1930. Justeru, perangkaan terperinci yang direkodkan banyak membantu para pengkaji memahami pola perubahan bilangan pesakit mental yang mendapatkan rawatan dan bilangan yang dimasukkan ke *asylum* sepanjang tempoh tersebut.

(v) ***SUK (A) 4131/1354, Report of the Medical and Health Department Kedah and Perlis 1935.***

Seterusnya, rekod (v) di atas merupakan maklumat mengenai kemasukan pesakit mental dari Kedah dan Perlis memandangkan negeri Kedah merupakan salah sebuah negeri yang konsisten menghantar pesakit-pesakit mental untuk menjalani rawatan di Tanjong Rambutan. Mulai tahun 1928, nama *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan* telah ditukarkan kepada nama baharu iaitu *Central Mental Hospital Tanjong Rambutan*. Sebahagian maklumat yang diperoleh daripada rekod (v) ini adalah seperti jadual berikut;

Kemasukan pesakit mental Kedah ke Central Mental Hospital, 1929-1935

Tahun	Bilangan pesakit mental
1929	59
1930	80
1931	73
1932	59
1933	71
1934	76
1935	93

Sumber: SUK (A) 4131/1354, Report of the Medical and Health Department Kedah and Perlis 1935

Selain itu, rekod-rekod pemindahan pesakit mental juga diperoleh melalui fail-fail pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri. Sebagai contoh antara tahun 1938 hingga 1940, terdapat beberapa rekod yang menunjukkan berlakunya proses pemindahan pesakit-pesakit mental negeri Kedah ke Tanjung Rambutan. Begitu juga beberapa rekod mengenai pemindahan pesakit-pesakit mental dari Kelantan. Maklumat rekod-rekod tersebut seperti berikut:

- (i) *S.C. 1509-1357, Transfer of a female Tamil Lunatics named Sovatha wife of Titikasi from Hospital Sungai Patani to the Central Mental Hospital Tanjung Rambutan bertarikh 27.6.38*
- (ii) *S.C. 476-1358, Transfer of male Malay lunatics named Mansur bin Awang and Mat bin Haji Salam from General Hospital Alor Setar to the Central Mental Hospital Tanjung Rambutan bertarikh 21.3.1939.*
- (iii) *S.C. 789-1357, Transfer of a female Malay lunatic named Rami binti Haji Salleh from Hospital Alor Setar to the Central Mental Hospital Tanjung Rambutan bertarikh 1.5.38.*
- (iv) *S.C. 1385-1358, Transfer of a male Chinese lunatic named Lim Sia from the General Hospital Alor Setar to the Central Mental Hospital Tanjung Rambutan bertarikh 4.6.39, 1042-1959.*
- (v) *S.C. 1449-1359, Transfer of certain lunatics (three male Chinese, one male Malay and two male Indians) from the District Hospital Kulim to the Central Mental Hospital Tanjung Rambutan bertarikh 11.6.40.*
- (vi) *S.C. 1409-1355, Reports on Criminal Male Chinese Lunatic named Ong Ah Sui / Memberi report di atas seorang Cina gila (orang salah) bernama Ong Ah Sui.*
- (vii) *S.C. 2307-1355, Reports on Criminal male Malay Lunatic named Salleh bin Saaid / Memberi report di atas orang salah gila bernama Salleh bin Saaid.*
- (viii) *Kelantan 353/1929, Kelantan Medical Department Report for the year 1928.*
- (ix) *Kelantan 247/1930, Kelantan Medical Department Report for the year 1929.*
- (x) *Kelantan 311/1931, Kelantan Medical Department Report for the year 1930.*

ASPEK PERUNDANGAN MASALAH PENYAKIT MENTAL

Aspek terakhir yang akan dibincangkan melalui makalah ini ialah dokumen-dokumen yang berkaitan dengan undang-undang masalah penyakit mental. Terdapat dokumen yang menjelaskan mengenai aspek perundangan masalah penyakit mental dan undang-undang ini dikuatkuasakan sama ada di Singapura atau di Semenanjung Tanah Melayu. Sebelum tahun

1849, belum terdapat undang-undang yang diluluskan oleh mana-mana badan perundangan terutama di Negeri-Negeri Selat (NNS) berkaitan masalah penyakit mental. Oleh itu, pelaksanaan polisi kesihatan mental banyak bergantung kepada budi bicara pentadbiran British selain atas inisiatif pentadbir tempatan seperti yang dipraktikkan di Singapura melalui sistem juri. Justeru, dengan adanya pengenalan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan masalah penyakit mental, beberapa garis panduan dapat diperkenalkan selain membantu merungkai konflik serta permasalahan yang sering timbul dalam konteks pelaksanaan polisi pengasingan dan pengawalan pesakit-pesakit mental terutama yang melibatkan kes-kes *criminal lunatic*.

Menurut Y.K. Lee (1992), pihak pentadbiran British di Singapura mula memberikan perhatian terhadap aspek perundangan masalah penyakit mental apabila pada tanggal 10 Februari 1849, sebuah akta yang dikenali sebagai “*An Act for the Safe Custody of Criminal Lunatics*” telah diluluskan oleh kerajaan India dan akta ini turut dikuatkuasakan di NNS. Selain itu pada 14 September 1858, kerajaan British di India telah meluluskan satu lagi akta dan turut dikuatkuasakan di NNS iaitu “*An Act Relating to Lunatics*” (Act XXXVI of 1858). Penguatkuasaan Akta 1849 di Singapura walaupun pada peringkat awal mencetuskan kontroversi tetapi sekurang-kurangnya memberikan garis panduan yang jelas terhadap aspek perundangan bagi pesakit-pesakit mental yang terlibat dalam jenayah. Akta ini antara lain memperuntukkan bahawa individu yang didapati bersalah melakukan jenayah dalam keadaan yang tidak siuman, individu tersebut akan ditahan dan dengan perintah Gabenor NNS akan ditempatkan di *lunatic asylum*, bukannya di penjara seperti kelaziman. Perkembangan ini membolehkan sekurang-kurangnya aspek keselamatan pesakit-pesakit mental dititikberatkan kerana seringkali berlaku pergaduhan di penjara yang melibatkan *criminal lunatic* dengan banduan-banduan yang lain.

Justeru, dalam membincangkan perkembangan seterusnya berkaitan aspek perundangan masalah penyakit mental terutama selepas tahun 1858, terdapat sekurang-kurangnya lima undang-undang yang telah diperkenalkan iaitu pada tahun 1889, 1914, 1920, 1934 dan 1952 bagi tujuan mengemas kini serta membuat pindaan-pindaan terhadap akta sedia ada. Undang-undang ini dapat dinyatakan seperti berikut:

- (i) *Lunatics Reception Ordinance (Ordinance X of 1889)*.
- (ii) *Lunatic Transmission Ordinance (Ordinance XXI of 1914)*.

- (iii) *An Ordinance to Amend and Consolidated the law relating to Lunatic Asylum (Ordinance IV of 1920).*
- (iv) *Mental Disorders Ordinance (Ordinance XXXIII of 1934).*
- (v) *Mental Disorders Ordinance 1952.*

Manakala, dokumen-dokumen yang berkaitan dengan undang-undang yang dinyatakan sebahagian besar terdiri daripada laporan perbahasan (*proceedings*) *Legislative Council Singapura* dan *Federation of Malaya*. Contohnya, proses penggubalan undang-undang (i) iaitu **Lunatics Reception Ordinance (Ordinance X of 1889)** dinyatakan melalui dokumen *Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlement 1889*. Proses penggubalannya telah dimulakan dengan Bacaan Kali Pertama Rang Undang-undang tersebut pada hari Khamis 28 Februari 1889 di *Legislative Council of the Straits Settlement* dan penggubalan akta ini bertujuan ‘*make provision for reception and detention here for lunatics from Native States, from Labuan and from British territories in Borneo*’. Justeru, dokumen-dokumen berikut merekodkan proses penggubalan undang-undang masalah penyakit mental yang lain iaitu:

- (i) *Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements 1914.*
- (ii) *Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements 1913, B134.*
- (iii) *Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements 1913, B135.*
- (iv) *Sel. Sec. 1498/1920, “Lunatic Reception Ordinance 1889” Repealed by Lunatic Asylums Ordinance No. 4 of 1920.*
- (v) *Straits Settlements Proceedings of the Legislative Council 1919.*
- (vi) *Straits Settlements Proceedings of the Legislative Council 1920.*
- (vii) *Straits Settlements Proceedings of the Legislative Council 1934.*
- (viii) *Ordinances Governor Straits Settlements Legislative Council 1934.*
- (ix) *Federation of Malaya, Proceedings of the Legislative Council, March 1952-February 1953.*

KESIMPULAN

Penguasaan sosioekonomi dan politik kolonial British telah mengakibatkan pelbagai perubahan dalam aspek pentadbiran dan kehidupan masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu termasuklah pengenalan kemudahan serta perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang lebih moden. Dalam hal ini, perkhidmatan kesihatan mental tidak terkecuali mendapat perhatian daripada pihak berkuasa kesihatan kolonial British melalui penubuhan institusi-institusi rawatan penyakit mental. Perkembangan ini seterusnya membolehkan pihak berkuasa kesihatan kolonial British mempraktikkan polisi pengasingan dan pengawalan terhadap individu-individu yang menghadapi masalah penyakit mental melalui penguatkuasaan beberapa undang-undang berkaitan masalah penyakit mental. Kebimbangan yang tercetus kesan masalah penyakit mental dalam kalangan masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu menyebabkan pentadbiran kolonial British mengorak langkah memikirkan tindakan serta pendekatan tuntas bagi mengatasi kerisauan tersebut. Hal ini dapat dibuktikan melalui kupasan beberapa dokumen arkib yang menunjukkan komitmen pentadbiran kolonial British terhadap usaha-usaha penubuhan institusi rawatan penyakit mental walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran serta melibatkan tempoh masa yang agak lama untuk merealisasikan hasrat tersebut. Penguasaan ekonomi dan aspek keselamatan serta menjaga ketenteraman masyarakat menjadi pemangkin penubuhan institusi rawatan penyakit mental di Semenanjung Tanah Melayu. Selain itu, ia juga bertujuan mengekalkan imej positif pentadbiran kolonial British yang dilihat menitikberatkan aspek perkhidmatan kesihatan dan perubatan terutamanya dalam memenuhi tuntutan serta keperluan pentadbir-pentadbir kolonial serta orang-orang Eropah yang bertugas di Semenanjung Tanah Melayu.

RUJUKAN

Abdul Aziz Salleh. 1972/73. Kesan zaman meleset ke atas masyarakat India di Tanah Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia; *JEBAT*, Bil. 2.

Amber Haque, Culture-bound syndromes and healing practices in Malaysia dlm. *Mental Health, Religion and Culture*, Vol. 11, No.7, November 2008. Routledge: Taylor and Francis Online.

Annual Medical Report of Selangor, 1902.

Anthony C. Colson. 1971. The Perception of Abnormality in Malay Village. Dlm. *Psychological Problems and Treatment in Malaysia*. Nathaniel N. Wagner dan Eng-Seong Tan (ed.). Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Awaludin bin Ahmad, *Perkembangan Aktiviti Pelacuran di Selangor, 1900-1941(Tesis Sarjana)*, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2011.

Emily, Sadka. 1996. *The Protected Malay States 1874-1895*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Federated Malay States by R. Dowen, Annual Report on the Medical Department for the year 1924.

Federated Malay States Annual Report of the Medical Department, 1930.

Federation of Malaya, Proceedings of the Legislative Council – March 1952 – February 1953.

Garraghan, G.J. 1948. *A Guide to Historical Method*. United States of America: University Press Book.

George Netto. 1961. *Indians in Malaya: Historical Facts and Figures*. Singapore.

H.C. 2127/1904, Proposed Construction of Lunatic Asylum for the Straits Settlements and Federated Malay States.

H.C.O. No. CH. SC. 1098/1912, Erection of Temporary Wards to Relieve Overcrowding at the Central Lunatic Asylum.

H.C.O. No. CH. SEC. 1511/1913, Accommodation of Lunatics from Straits Settlements at the Lunatic Asylum Tanjong Rambutan.

H.C.O. No. CH. SEC. 651/1913, Accommodation and treatments of Lunatics in the Straits Settlements and Federated Malay States – Proposal for the enlargement of the Lunatic Asylum at Tanjong Rambutan.

H.C.O. 1400/1919, Dr. J.A. Taylor Medical Officer, Uganda. Appt as Asst. Medical Superintendent, Central Lunatic Asylum, FMS.

H.C.O. 1864/1919, Dr. J.A. Taylor His Appointment as Asst. Medical Superintendent, Central Lunatic Asylum.

Jagjit Singh Sidhu. 1980. *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Jim Baker. 2000. *Crossroads A Popular History of Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Times Book International.

Kelantan 353/1929, Kelantan Medical Department Report for the year 1928.

Kelantan 247/1930, Kelantan Medical Department Report for the year 1929.

Kelantan 311/1931, Kelantan Medical Department Report for the year 1930.

Lenore Manderson.1999. Public Health Developments in Colonial Malaya: Colonialism and the Politics of Prevention. *American Journal of Public Health* 89(1): 104.

_____. 1996. *Sickness and the State Health and Illness in Colonial Malaya, 1870-1940*. Cambridge University Press.

Medical 1541/95, Asylum for Selangor Lunatics – 13.3.1895.

Muhd. Yusuf Ibrahim. 2000. *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. 1986. *Pengertian Sejarah Beberapa Perbahasan Mengenai Teori dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Anuar Nik Mahmud. 1978. Perancangan Pembangunan Negara Selepas Merdeka 1957-1975: Tinjauan Sejarah Perkembangan Sosioekonomi Malaysia. UKM: Kongres Sejarah Malaysia.

Noraini Mohamed Hassan.2008. *Penyakit Tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ooi Giok Ling. 1991. British Colonial Health Care Development and the Persistance of Ethnic Medicine in Peninsular Malaysia and Singapore. *Southeast Asian Studies* 29(2) September.

Ordinances Governor Straits Settlements Legislative Council, 1934.

Perak (1913), Administrative Report 1912 in Federated Malay States Annual Departmental Report, 1912.

Perak (1914), Administrative Report 1913 in Federated Malay States Annual Departmental Report, 1913.

Perak Administrative Report 1912-1914.

P.W.D. 4977/95, Conversion of Old Goal into Lunatic Asylum Asks provide \$5000 in Estimates 1896.

P.W.D. 1810/97, Conversion of Old Goal into Lunatic Asylum Request invitation of tenders.

P.W.D. 2944/98, Lunatic Asylum – 31.3.1897.

Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements (S. S) 1889.

Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements (S. S) 1913.

Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements (S. S) 1914.

Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements (S. S) 1919.

Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements (S. S) 1920.

Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements (S. S) Volume 1, 1934.

Rice and Beri-Beri. A Preliminary Report on An Experiment Conducted at the Kuala Lumpur Lunatic Asylum 1905-1906.

R.G. 2226/1904, Proposed Combined Lunatic Asylum for the Colony and Federated Malay States.

R.G. 680/1904, Bring to Notice certain extracts from correspondence with the Act. Resident Perak in connection with Dr. Gilmore Ellis' report on the Perak Lunatic Asylum.

R.G. 296/1907, Central Lunatic Asylum FMS; Seek approval to a revised estimate of \$544,645.48 for the proposal.

Robert L. Winzeler. 1995. *Latah in Southeast Asia: The History and Ethnography of a Cultural-Bound Syndrome*. England: Cambridge University Press.

Samuels, W.F. 1926. The Story of the Central Mental Hospital, Tanjong Rambutan, Federated Malay States. *British Journal of Psychiatry* (72): 39-49.

S.C. 789-1357, Transfer of a female Malay lunatic named Rami binti Haji Salleh from Hospital Alor Setar to the Central Mental Hospital Tanjong Rambutan bertarikh 1.5.38.

S.C. 1509-1357, Transfer of a female Tamil Lunatics named Sovatha wife of Titikasi from Hospital Sungai Patani to the Central Mental Hospital Tanjong Rambutan bertarikh 27.6.38.

S.C. 476-1358, Transfer of male Malay lunatics named Mansur bin Awang and Mat bin Haji Salam from General Hospital Alor Setar to the Central Mental Hospital Tanjong Rambutan bertarikh 21.3.1939.

S.C. 1409-1355, Reports on Criminal Male Chinese Lunatic named Ong Ah Sui / Memberi report di atas seorang Cina gila (orang salah) bernama Ong Ah Sui.

S.C. 2307-1355, Reports on Criminal male Malay Lunatic named Salleh bin Saaid / Memberi report di atas orang salah gila bernama Salleh bin Saaid.

S.C. 1385-1358, Transfer of a male Chinese lunatic named Lim Sia from General Hospital Alor Setar to the Central Mental Hospital Tanjong Rambutan bertarikh 4.6.39, 1042-1959.

S.C. 1449-1359, Transfer of certain lunatics (three male Chinese, one male Malay and two male Indians) from the District Hospital Kulim to the Central Mental Hospital Tanjong Rambutan bertarikh 11.6.40.

Selangor Medical Reports 1904-1909.

Sel. Sec. 2615/1899, Extract from the Visitors Book, Lunatic Asylum.

Sel. Sec. 5673/1903, Escape of a Lunatic named Chew Koh from the Asylum on 4th October 1903.

Sel. Sec. 5833/1903, Reports the Escape of a Criminal Lunatic named Pang Nghee Lean from the Asylum on the 13th October 1903.

Sel. Sec. 2480/1904, Central Lunatic Asylum, Federated Malay States.

Sel. Sec. 3719/1904, Improvement to Kuala Lumpur Lunatic Asylum.

Sel. Sec. 3162/1906, Increase on the number of deaths at the Lunatic Asylum Kuala Lumpur from Beri-beri; something wrong with arrangement of Lunatic Asylum Kuala Lumpur.

Sel. Sec. 1538/1904, Extract from report by Dr. Gillmore Ellis on the Kuala Lumpur Lunatic Asylum regarding padlocks, bedsteads and improvement on ventilation.

Sel. Sec. 278/1904, Dr. Gillmore Ellis' Report on Lunatic Asylum F.M.S.

Sel. Sec. 3869/1903, Kuala Lumpur Lunatic Asylum British Resident Negeri Sembilan complains of inadequate accommodation.

Sel. Sec. 1259/1904, Copy of a letter from the State Surgeon, Selangor on the Subject of the condemnation of the Lunatic Asylum of Selangor by Dr. Ellis.

Sel. Sec. 2417/1899, Heavy Death rate Among the inmates of the Lunatic Asylum; Draws attention as To.

Sel. Sec. 5006/1926, Annual Report on the Medical Department Selangor for the year 1925.

SUK (A) 4131/1354, Report of the Medical and Health Department Kedah and Perlis 1935.

T. H. Woon. 1978. A History of Psychiatry in Peninsular Malaysia, 1830-1975. *Medical Journal Malaysia* XXXII (3) March: 258-263.

Wazir Jahan Karim. 1990. *Emotion of Culture a Malay Perspective*. Singapore: Oxford University Press.

Yip Yat Hoong. 1969. *The Development of the Tin Mining Industry of Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Y.K. Lee. 1992. The Mental Diseases Hospital, Singapore (The First 100 Years) A Short History. *Singapore Medical Journal* 33: 388.

2006/0019840, State of Selangor, Annual Report on the Medical Department 1907.

2006/0019843, Selangor Medical Report 1904-1909.

FEDERATED MALAY STATES

CERTIFICATE OF MEDICAL OFFICER

(Second Schedule, Form A, The Lunacy Enactment, No. 12 of 1915)

I, the undersigned, W.M. Chambers, Medical Officer Pudu Goal, hereby certify that I on the 12 day of June 1923, at the Pudu Goal personally examined Perumal of Pudu Goal, and that the said Perumal is a lunatic (or an idiot or a person of unsound mind) and a proper person to be taken charge of and detained under care and treatment, and that I have formed this opinion on the following grounds, namely:

STATEMENT:-

1. - Facts indicating insanity observed by myself:

His manner is foolish, aimless, and restless.

He appears weak minded and incapable of any mental effort.

He cannot tell how long he has been here or why he was brought here. Says this is a hospital.

Cannot tell how long he has been in this country.

2. - Other facts, if any, indicating insanity, communicated to me by others:

Mr. Tai Seng, Dresser, Pudu Goal states Perumal tried to assault other prisoners.

He used abusive language.

Habit dirty

Sleepless at night. He wanders about the ward.

Dated the 12 day of June , 1923.

(Signed) W.M. Chambers

(Source: Sel. Sec. 2654/1923, Tamil Lunatic Perumal; Transfer to Central Mental Hospital Tanjong Rambutan, Malaysia National Archives)

Awaludin bin Ahmad^{1*},

¹Calon Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Sejarah Malaysia,
Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
43600 Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

*Correspondence Author e-mail: awal@siswa.ukm.edu.my

Nordin bin Hussin (Ph.D)²

²Profesor, Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
43600 Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
E-mail : nordin@ukm.my

Diserahkan: 03 Januari 2017

Diterima: 21 Ogos 2017